

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK WAN SELAMAH BINTI WAN SULAIMAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)
TAHUN 2013**

**8 MEI 2014 (KHAMIS) ~ 10.30 PAGI
DEWAN SERBAGUNA, ARAS 7 JANM**

Bismillahirrahmanirrahim.

Rabbishrahli sodri wayassirli amri, wahlul ukdataan min lisani yafqahu qauli. Aamiin.

Terima kasih saudara dan saudari Pengacara Majlis;

Yang Berhormat Dato' Seri Ahmad Husni Hanadzlah, Menteri Kewangan II

Yang Berbahagia Dato' Rosini binti Abd Samad, Timbalan Akauntan Negara (Korporat);

Yang Berbahagia Dato' Hawazain binti Shaari, Timbalan Akauntan Negara (Operasi);

Yang Berusaha Puan Nik Hapsah binti Nik Hassan, Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, JANM Tahun 2013

Yang Berusaha Pengarah-pengarah Bahagian Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM);

Pengarah-pengarah JANM Negeri dan Cawangan;

Pegawai-pegawai kanan Jabatan;

Yang diraikan, pada penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, seterusnya YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan, puan-puan, hadirin dan hadirat yang saya hormati dan kasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaratuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Selamat Pagi.

Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan kesyukuran dan kepujian kepada Allah s.w.t, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bertemu untuk menzahir dan meraikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, JANM bagi tahun 2013.

Sukacita saya mengambil kesempatan ini, untuk mengalu-alukan kedatangan dan merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Ahmad Husni Hanadzlah, Menteri Kewangan II di atas kesudian Yang Berhormat Dato' Seri menerima jemputan JANM, untuk hadir dan seterusnya, menyempurnakan perasmian majlis ini. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada YBhg Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin sekalian, yang sudi hadir ke majlis yang serba indah lagi bermakna ini.

Pada pagi ini, kita merasa amat bertuah dan berbesar hati kerana Yang Berhormat Dato' Seri sudi bersama-sama kita meraikan seramai 197 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, terdiri daripada 36 orang Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 34 orang Kumpulan Pelaksana I serta 127 orang Kumpulan Pelaksana II. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Seri, para penerima terdiri daripada warga JANM dari lapan (8) Bahagian di Ibu Pejabat serta 25 JANM Negeri dan Cawangan seluruh negara. 197 orang bertuah ini adalah dari 2600 orang penjawat awam pelbagai gred di bawah JANM.

Sehubungan itu, suka saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2013.

Budaya kerja cemerlang adalah menjadi amalan setiap warga Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Saya mengharapkan kecemerlangan ini akan berterusan dan bakal memberi impak positif kepada visi dan misi Jabatan, yang menyumbang kepada misi nasional. Diharapkan juga, dengan anugerah ini, tuan-tuan dan puan-puan akan mencetuskan inspirasi kepada rakan-rakan sekerja yang lain, untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang agar kualiti penyampaian perkhidmatan JANM dapat dipertingkatkan, serta sentiasa berada di tahap yang tinggi.

Saranan ini adalah selaras dengan Nilai Bersama Jabatan iaitu SPECIAL yang mendidik dan memupuk pembudayaan nilai-nilai murni yang *universal*, tanpa mengira bangsa, kaum, agama atau kepercayaan.

Yang Berhormat Dato' Seri dan para hadirin sekalian,

Kecemerlangan warga JANM dapat dizahir dan diterjemahkan melalui pencapaian JANM sebagai sebuah organisasi terbilang dalam perkhidmatan kewangan dan perakaunan sektor awam pada tahun 2013, selari dengan tagline Jabatan iaitu *Excellent Accounting @ Your Service*.

Antaranya, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2013 telah sempurna ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 27 Februari 2014 dan berjaya diserahkan kepada Ketua Audit Negara pada 28 Februari 2014, 5 bulan lebih awal dari tarikh yang ditetapkan oleh statut iaitu pada 31 Julai tahun berikutnya. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan telah berjaya memperoleh Sijil Audit Bersih pada setiap tahun berturut-turut sejak tahun 1997, dan Insha Allah akan terus mengekalkannya untuk tahun-tahun yang akan datang. JANM juga melalui 36 Pejabat Perakaunan seluruh Malaysia telah berjaya memproses 99.92% dari 6,155,017 baucer bayaran dalam tempoh 0-4 hari , dan 65% dalam tempoh T+1, sepanjang tahun 2013.

JANM juga telah diberi penarafan 5 bintang dalam Penilaian Penarafan Bintang (Star Rating) Tahun 2012 yang dikendalikan oleh MAMPU yang mana keputusannya diumumkan pada bulan Julai 2013. JANM juga telah mendapat pensijilan semula Amalan Persekutaran Berkualiti (Amalan 5S) bagi Ibu Pejabat dan 25 JANM Negeri dan Cawangan bagi tahun ketiga pada tahun 2013. Pada tahun 2013 juga, JANM telah diberi taraf 5 bintang oleh MDEC bagi portal rasmi Jabatan.

Namun, saya suka berpesan, agar kita tidak mudah terleka dan lalai dengan kejayaan hari ini kerana kejayaan hari ini bukan jaminan kejayaan hari esok. Oleh itu, jika kejayaan hari ini dikongsi untuk direkayasa dan diteroka untuk dimantapkan, diiringi doa kepada Yang Maha Esa, in sha Allah kejayaan yang lebih gemilang akan menanti pada hari esok.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Seperti yang kita semua maklum, dalam tempoh enam (6) bulan lagi (237 hari), tarikh 1 Januari 2015 akan menjadi penanda aras kepada usaha serta tekad kita selama ini, apabila Perkaunan Akruan dilaksanakan oleh seluruh Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan.

Pelaksanaan Perakaunan Akruan bukanlah bebanan, namun merupakan cabaran kepada kita semua. Wasilah kepimpinan Negara mengharapkan Jabatan Akauntan Negara Malaysia melaksanakan agenda transformasi nasional ini dengan sebaiknya.

Transformasi ini bukan setakat melibatkan perubahan sistem perkaunan semata-mata. Ia adalah transformasi kepada fungsi perakaunan dan kewangan Kerajaan, yang akan memberi impak kepada seluruh jentera Kerajaan Persekutuan. Inisiatif ini yang memerlukan perubahan kepada asas perakaunan, dari asas tunai ubahsuai kepada asas akruan, akan dapat meningkatkan ketelusan pengurusan kewangan Kerajaan Persekutuan, terutamanya apabila aset dan liabiliti jangka panjang Kerajaan diambilkira di dalam penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Ia juga dapat menjadi alat untuk meningkatkan kecekapan Kerajaan melalui pengurusan berdasarkan prestasi (OBB).

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Seri dan para hadirin sekalian, selaras dengan rangka transformasi Sistem Perakaunan Kerajaan Persekutuan ini, JANM telah mengadakan usahasama strategik dengan badan-badan perakaunan professional seperti ACCA, CIMA, CPA Australia serta UiTM dalam usaha untuk meningkatkan bilangan Akauntan yang mempunyai kelayakan profesional. JANM juga telah mengemukakan kertas cadangan untuk menambahbaik skim perkhidmatan perakaunan merangkumi perkhidmatan Akauntan, Penolong Akauntan dan Pembantu Akauntan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

Yang Berhormat Dato' Seri dan para hadirin,

Saya juga ingin menyatakan kesyukuran ke hadrat Ilahi di atas perakuan dan kelulusan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Perbendaharaan kepada cadangan penubuhan 15 Bahagian Akaun baharu di Kementerian yang sebelum ini dikenali sebagai Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri (JTMS). Ini melibatkan pertambahan bersih 194 jawatan melalui pewujudan sejumlah 300 perjawatan baharu, memansuhkan 106 jawatan sedia ada dan memindah butiran 96 jawatan pelbagai skim perkhidmatan dan gred jawatan mengikut 15 Kementerian berkaitan.

Di kesempatan ini, saya juga suka merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam serta semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung di dalam membolehkan perkara ini menjadi realiti. Diharapkan dengan tambahan 15 Bahagian Akaun baharu di Kementerian-Kementerian kepada 9 JMS sedia ada, akan merancakkan lagi proses transformasi sistem perakaunan Kerajaan Persekutuan. In sha Allah.

Sebagai penutup bicara, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini. Anugerah ini haruslah diterima dengan penuh tanggungjawab, azam dan tekad untuk membawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia ke era yang lebih gemilang.

Saya juga sekali lagi ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Ahmad Husni Hanadzlah, Menteri Kewangan II di atas kesudian Yang Berhormat Dato' Seri meluangkan masa untuk hadir, menyempurnakan perasmian majlis ini dan seterusnya menyampaikan anugerah kepada penerima APC JANM Tahun 2013. Sesungguhnya kehadiran Yang Berhormat Dato' Seri amat bermakna kepada seluruh warga JANM.

Sekalung tahniah dan penghargaan juga diucapkan kepada barisan urusetia yang bertungkus-lumus memastikan kelancaran majlis pada pagi ini.

Sekian, Wabilahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.